

Dianggarkan sekitar

65%

individu percaya  
kaitan alahan dengan  
sistem imunKira-kira 3,400  
memilih pengamal  
perubatan alternatif  
atau holistikSekitar 3,000 mengakui berjumpa  
dokter apabila mengalami alahan

Sekitar

51%

menyatakan serangan  
alahan ini boleh  
dikesan menerusi  
ujian darah.

Dianggarkan sekitar

65%

responden memahami  
alahan diwarisiKanak-kanak  
mengalami alahan  
perlu nasihat  
pakar pediatrik.Kesedaran mengenai susu lembu  
sebagai makanan alergen masih rendah  
sedangkan hakikatnya ia paling kerap  
berlaku dalam kalangan kanak-kanak  
yang boleh menyebabkan ekzema.

Kira-kira

54%

menjawab sejarah  
keluarga adalah kunci  
utama punca alahanIbu hamil perlu  
mendapatkan  
nasihat pakar  
obstetrik dan  
ginekologi bagi  
mencegah alahan.

# Ramai ambil mudah masalah alahan

→ Penyakit dianggap masalah  
biasa, boleh sembuh tanpa rawatan

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

Hasil kajian selidik  
Persatuan Alergi dan  
Imunologi Malaysia  
(MSAI) dengan  
kerjasama penyelidikan  
Universiti Putra Malaysia (UPM),  
mendapati tahap kesedaran  
mencegah masalah alahan  
dalam kalangan rakyat di negara

ini masih rendah.  
Kajian selama  
tiga setengah  
bulan bermula  
Disember tahun  
2015 itu memba-  
bitkan kira-kira 7,132  
responden berusia 22  
sehingga 40 tahun, menda-  
pati ramai yang salah faham  
mengenai definisi alahan.  
Presiden MSAI, Dr Amir  
Hamzah Abdul Latiff,  
berkata kira-kira 20 peratus  
atau lebih 2,000 responden  
mengenal pasti rhinitis sebagai  
alahan sedangkan ia jarang  
berlaku di rantau ini.

“Seperti yang dijangkakan,  
makanan, ekzema atau atopic  
dermatitis dan rhinitis antara  
yang paling banyak dikenali  
responden sebagai alahan.

“Lebih 45 peratus responden  
sukar membezakan jenis  
penyakit alahan termasuk  
percaya tidak toleransi ke atas

makanan adalah penyakit  
alahan yang mana sebenarnya  
tidak benar,” katanya.

## Kurang pengetahuan

Katanya tahap kesedaran  
orang ramai mengenai  
peringkat alahan agak baik  
dan MSAI menasaskan  
untuk menjalankan kempen  
kesedaran khusus mengenai  
peringkat alahan selepas ini.

Hampir 50 peratus  
responden percaya alahan  
boleh sembuh, 28 peratus lagi  
mengatakan tidak tahu dan  
selebihnya tidak sedar alahan  
tidak boleh disembuhkan.

“Statistik ini menunjukkan  
anggapan orang ramai bahawa  
menemui pakar kesihatan  
boleh menyembuhkan penyakit  
alahan, keadaan ini mem-  
buktikan tahap kesedaran  
pencegahan dalam kalangan  
masyarakat di negara ini  
sangat rendah,” katanya.